

**RINGKASAN DIALOG MENGENAI KEPERLUAN DAN CABARAN YANG DIHADAPI OLEH
MASYARAKAT ORANG ASLI DAN LANGKAH SETERUSNYA DALAM MENGHADAPI PANDEMIK
COVID-19**

Lampiran 1

NO.	ISU-ISU/ CABARAN	SYOR/ CADANGAN
1.	<p>Kelestarian dan Mata Pencarian</p> <p>Semakin ramai Orang Asli yang menyertai pasaran buruh formal dan tidak formal, sama ada sebagai bekerja sendiri atau makan gaji. Mereka mengambil upah dengan bekerja di ladang sebagai buruh harian atau pekerja ladang. Terdapat juga mereka yang bekerja sendiri yang terlibat dalam memungut dan menjual hasil hutan, menghasilkan kraftangan dan menjual barangan terpakai.</p> <p>COVID-19 mendatangkan ancaman kepada mata pencarian dan kelangsungan hidup Orang Asli. PKP yang ketat telah memaksa Orang Asli bergelut untuk mencari makanan selepas sumber pendapatan mereka yang terdiri daripada hasil jualan secara harian hasil hutan, sayuran serta buah-buahan, dan upah daripada bekerja di ladang telah terputus. Ada juga Orang Asli yang berasa takut untuk pergi ke bandar untuk menjual hasil hutan atau membeli makanan disebabkan oleh sekatan jalan, kluatir mengingkari PKP dan juga takut terkena jangkitan.</p> <p>PKP juga telah menjejaskan mata pencarian tradisi Orang Asli yang sangat bergantung kepada jualan hasil hutan selain kayu balak untuk makanan, perlindungan, ubat dan wang tunai.</p> <p>Sesetengah Orang Asli kembali ke dalam hutan untuk mengasingkan diri dan mencari makanan bagi menampung kehidupan mereka disebabkan PKP. Bagaimanapun, Orang Asli</p>	<p>a) Kerajaan perlu mempertimbangkan untuk menubuhkan dana pembinaan semula dan sumber awam selepas PKP yang khusus untuk keperluan Orang Asli, dalam usaha untuk menyokong dan membina semula mata pencarian mereka, ekonomi dan menampung komuniti mereka.</p>

	<p>tidak boleh bergantung kepada hutan untuk jangka masa yang panjang. Hutan hanya boleh menampung kehidupan Orang Asli untuk jangka masa yang singkat disebabkan oleh penyahhutan. Walaupun ini boleh menampung kelangsungan mereka semasa tempoh ini, sumber hutan yang ada, adalah terhad dan oleh itu mereka tidak lagi boleh bergantung kepada hutan untuk kelangsungan mereka. Mereka memerlukan wang tunai untuk mendapatkan keperluan asas.</p>	
<p>2.</p>	<p>Akses kepada Bantuan Makanan Kerajaan Makanan dibekalkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) hanya diberikan kepada penduduk kampung Orang Asli yang didaftarkan. Orang Asli terutamanya daripada kumpulan nomad bersifat pindah randah dan membina penempatan baru apabila perkampungan sedia ada menjadi sesak atau sumber asli berkurangan. Disebabkan ini, terdapat sesetengah kampung Orang Asli yang tidak didaftarkan. Terdapat juga masalah yang berkait dengan pangkalan data yang tidak dikemaskini yang telah digunakan oleh JAKOA untuk menentukan pengagihan bantuan. JAKOA menggunakan data dari tahun 2017 dan disebabkan itu, terdapat banyak keluarga dan kampung yang layak telah tercicir.</p> <p>Bantuan makanan yang disediakan oleh Kerajaan adalah tidak mencukupi dan terdapat ketaksamaan dalam pengedarannya. NGO melaporkan menerima beberapa aduan bahawa nilai setiap bungkus makanan adalah tidak sama dengan jumlah RM 100.00 yang diumumkan oleh Kerajaan.</p> <p>Timbul juga persoalan berkenaan ketelusan dalam pengagihan bantuan. Walaupun Kerajaan telah menyatakan bahawa NGO adalah tidak dibenarkan untuk memasuki Kawasan Orang Asli, terdapat laporan bahawa JAKOA telah memilih sesetengah NGO untuk mengantar bantuan kepada Orang Asli.</p>	<p>a) JAKOA perlu mengemaskini pangkalan datanya dengan segera.</p> <p>b) Kerajaan perlu melibatkan Orang Asli dalam proses pengurusan bantuan.</p> <p>c) JAKOA perlu lebih telus dalam usaha-usaha membantu dan membangun Orang Asli.</p>

<p>3.</p>	<p>Akses kepada Bantuan Prihatin Nasional (BPN) 99% Orang Asli adalah dikalangan kumpulan B40. Memandangkan peratusan Orang Asli di dalam kumpulan B40 adalah tinggi, secara teknikalnya setiap isi rumah Orang Asli berkelayakan untuk menerima bantuan kewangan di bawah pakej rangsangan ekonomi Bantuan Prihatin Nasional (BPN). NGO menghadapi masalah untuk mendapatkan maklumat daripada sesetengah penduduk Orang Asli disebabkan ada dikalangan mereka yang tidak boleh membaca atau menyediakan dokumen sokongan seperti sijil perkahwinan dan akaun bank. Orang Asli juga menghadapi masalah untuk mendaftar disebabkan oleh kekurangan kesedaran, tidak memiliki capaian internet dan ketidakupayaan untuk menggunakan borang dalam talian. Proses permohonan Bantuan Prihatin Nasional adalah tidak mesra Orang Asli.</p> <p>Terdapat juga isu akses kepada wang tunai oleh penduduk kampung Orang Asli mengenai. Ramai yang perlu menempuh perjalanan yang jauh untuk ke bandar bagi mengeluarkan wang dari bank. Kebanyakan penduduk kampung tidak mempunyai pengangkutan yang bersesuaian dan takut untuk bergerak kerana bimbang mengingkari PKP. PKP adalah kos tersembunyi yang tidak dapat ditanggung oleh Orang Asli,.</p>	<p>a) Kerajaan perlu memastikan pendaftaran BPN secara automatik untuk Orang Asli.</p> <p>b) Orang Asli perlu diberikan pilihan untuk menerima/agihan BPN secara tunai terus kepada mereka.</p>
<p>4.</p>	<p>Akses kepada Penjagaan Kesihatan Sesetengah Orang Asli enggan untuk mendapatkan penjagaan kesihatan kerana takutkan atau kurang maklumat mengenai COVID-19.</p> <p>Orang Asli terdedah kepada risiko kerana mereka berhadapan dengan individu yang mengagihkan bantuan kepada mereka tanpa perlindungan yang sewajarnya. Ini meyebabkan Orang Asli berisiko terdedah kepada virus memandangkan mereka tidak dilindungi sewajarnya dengan topeng muka, sarung tangan dan</p>	<p>a) Kementerian Kesihatan perlu menukar pendekatan reaktif kepada proaktif, dan mempertimbangkan untuk menubuhkan jawatankuasa kerja untuk melibatkan penyertaan komuniti dalam memantau keperluan kesihatan dan melaksanakan intervensi.</p> <p>b) Kerajaan perlu melaksanakan program untuk memperluaskan perkhidmatan telekomunikasi di kawasan terpencil supaya akses perubatan dalam talian, dinaik taraf dalam bentuk telefon pintar dan tele-perubatan.</p>

	<p>cecair pembasmi kuman.</p>	<p>c) KKM perlu menyenaraikan Orang Asli sebagai penerima barangan pencegahan seperti topeng muka, sarung tangan, cecair pembasmi kuman dan lain-lain barangan pencegahan.</p> <p>d) Beberapa komuniti Orang Asli telah menjalankan kuarantin sendiri dan telah mengadakan kawalan untuk menghadkan akses kepada komuniti mereka. Mekanisma ini perlu dihormati dan diperkasakan sekiranya perlu.</p>
5.	<p>Jurang Pendidikan Ramai kanak-kanak Orang Asli telah kembali semula ke dalam kawasan hutan dan ini menyebabkan mereka kehilangan hubungan dengan sekolah.</p> <p>Di kampung yang mempunyai pendidikan alternatif, guru tidak dapat mengajar akibat PKP dan ruangan yang terhad.</p> <p>COVID-19 juga telah memaksa pendidikan diadakan secara dalam talian. Kanak-kanak Orang Asli di kawasan pedalaman terperangkap dengan jurang internet dan jalur lebar. Kanak-kanak tidak dapat melayari kursus dalam talian kerana kekurangan bekalan elektrik, capaian internet, kekurangan kemudahan pengajaran dan pembelajaran dalam talian, dan ramai yang tidak mampu mendapatkan telefon bimbit dan talian data.</p> <p>Keluarga Orang Asli berhadapan dengan kesukaran untuk menyediakan perbelanjaan untuk membolehkan pelajar kembali ke sekolah dan asrama termasuk kos perjalanan, yuran asrama, dan kelengkapan sekolah kerana mengalami kehilangan ekonomi yang teruk.</p>	<p>a) Kementerian Pendidikan perlu memastikan akses kepada pendidikan untuk kanak-kanak Orang Asli dengan menyediakan peralatan yang diperlukan untuk pembelajaran jarak jauh, dengan bekerjasama dengan guru-guru dan JAKOA.</p> <p>b) Sokongan kewangan perlu disediakan untuk setiap kanak-kanak Orang Asli yang akan kembali ke sekolah dan kolej/institusi pengajian tinggi.</p>
6.	<p>Ketidakpercayaan kepada JAKOA Terdapat ketidakpercayaan yang mendalam oleh Orang Asli</p>	<p>a) Kerajaan perlu melibatkan wakil Orang Asli di dalam jawatankuasa bertindak kecemasan dan kesihatan atau sebarang entiti yang khusus</p>

	terhadap JAKOA.	semasa dan selepas pandemik COVID-19. b) JAKOA perlu menghormati hak Orang Asli terhadap maklumbalas awal yang bebas dan telus di dalam langkah pencegahan, pembangunan, pelaksanaan dan pemantauan untuk menangani COVID-19.
7.	<p>Penyampaian Maklumat mengenai COVID-19 Orang Asli mempunyai sistem sosial komunal yang menyukarkan penjarakan sosial dilaksanakan. Keadaan ini boleh mewujudkan kelemahan kepada komuniti sekiranya terdapat kes positif COVID-19 di dalam kampung.</p> <p>Orang Asli tidak diberikan makluman awal berkenaan PKP. Ramai yang tergesa-gesa ke hutan untuk mendapatkan perlindungan dan kelangsungan hidup.</p>	<p>a) Kerajaan perlu merekabentuk sistem amaran awal untuk mengenalpasti ancaman kesihatan, dan membantu komuniti untuk bersedia secukupnya.</p> <p>b) KKM dan JAKOA menyediakan maklumat yang berkaitan dan dilengkapi dengan bahan audio visual kepada Orang Asli selain berusaha untuk menyokong terjemahan dan penyebaran maklumat di dalam bahasa Orang Asli.</p>
8.	<p>Isu Wanita dan Kanak-kanak Diperingkat global dan nasional, terdapat kebimbangan yang serius terhadap peningkatan laporan keganasan rumah tangga yang disebabkan oleh kawalan pergerakan dan keluarga yang terkurung di rumah untuk tempoh masa yang lama.</p> <p>Sehubungan itu, terdapat kebimbangan bahawa wanita dan kanak-kanak Orang Asli juga terdedah kepada risiko keganasan rumah tangga dan gangguan seksual.</p> <p>Terdapat juga kebimbangan mengenai bantuan kepada Orang Asli. Terdapat gesaan supaya bantuan menjadi lebih peka terhadap gender bagi memenuhi keperluan wanita dan kanak-kanak. Selain menyediakan bantuan makanan dan kewangan, bantuan juga perlu merangkumi produk kebersihan bagi wanita dan makanan yang bernutrisi untuk kanak-kanak.</p>	<p>a) Kerajaan perlu memastikan bahawa bantuan yang disediakan kepada komuniti Orang Asli juga meliputi sokongan psikososial dan bantuan, serta penyediaan ruang yang selamat untuk komuniti Orang Asli tampil ke hadapan dan mendapatkan bantuan.</p>